

Headline	Beri kesedaran tinggi perkasa pendidikan negara		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	09 Apr 2012	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	L-9	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	475 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,080
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,239



Beri kesedaran tinggi perkasa pendidikan negara

HAMIMI KASSIM

DEBAK, Ahad — Seramai 39 mahasiswa dari Universiti Utara Malaysia (UUM) menyertai Program Baktisiswa UUM 2012 bermula hari ini sehingga 12 April 2012 di Debak.

Program peringkat julung kali dianjurkan oleh Majlis Tertinggi awatankuasa Kepemimpinan dan Pembangunan Siswa, Dewan Penginapan Pelajar Tenaga Nasional (JKPS DPP TNB) itu bertujuan membolehkan mahasiswa melibatkan diri secara aktif dengan aktiviti kemasyarakatan dalam memberikan kesedaran tentang pendidikan di kalangan rakyat di negeri ini.

Sepanjang program tersebut berlangsung, pelajar akan tinggal bersama keluarga angkat dan mengikuti aktiviti kemasyarakatan yang telah diatur seperti program kerohanian, kemasyarakatan dan khidmat masyarakat yang melibatkan pen-

diduk kampung, pelajar sekolah serta masyarakat setempat.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Saribas, Mohammad Razi Sitam dalam ucapan perasmian program tersebut hari ini berkata, mahasiswa perlu aktif melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan agar keperibadian positif mereka dapat ditonjolkan untuk dicontohi.

Menurutnya, selain dapat menjadi proses pembelajaran kepada mahasiswa, program berkenaan diharap dapat menjadikan mahasiswa sebagai contoh terbaik dalam menjadi pemacu pembangunan masyarakat melalui pelbagai aktiviti kemasyarakatan dalam usaha membentuk suasana masyarakat positif.

"Program yang berbentuk khidmat masyarakat ini diharap

mampu memberi peluang kepada mahasiswa/i UUM untuk menyalurkan sumbangan sama-sama berbentuk tenaga dan kemahiran kepada masyarakat Kg. Debak dan sekitarnya ini," katanya.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Program Baktisiswa UUM 2012 serta majlis penyerahan anak angkat yang diadakan di Dewan Lakid Debak dekat sini hari ini.

Tambahnya, dengan adanya penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kemasyarakatan terutama di kawasan luar bandar juga dapat mempertingkatkan hubungan sosial mereka dengan masyarakat umum.

"Masyarakat setempat terutama golongan muda di kawasan ini boleh mencontohi sahsiah dan kejayaan mereka. Ini juga dapat menjadi motivasi dan pendorong kepada generasi muda di sini untuk membuka

minda agar mengikuti jejak mahasiswa," jelasnya.

Jelasnya, program anjuran UUM dengan kerjasama pelbagai pihak terutama komuniti setempat di Daerah Debak ini mampu membentuk pewaris muda Negara sebagai membentuk modal insan yang mempunyai jati diri dan cintakan masyarakat serta negara.

Dalam majlis itu juga Razi menyumbangkan peruntukan berjumlah RM10,000 bagi penanganjur melaksanakan program tersebut dengan lebih baik dan cemerlang.

Sementara itu, sebanyak tiga buah sekolah turut terlibat dengan program ini iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Suri, SK Datuk Bandar Debak serta Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Saribas.



RAKAM KENANGAN... Mohammad Razi Sitam bersama pelajar dan keluarga angkat bergambar bersama-sama selepas selesai majlis penyerahan anak angkat bagi Program Baktisiswa UUM 2012 di Debak.